

Nama Suratkhabar : Berita Harian (Segmen Nasional)

Tarikh : Jumaat, 3 Januari 2014

Mukasurat : 11

BH 3 JANUARI 2014 @ JUMAAT

NASIONAL 11

Malaysia mengalu-alukan dunia

» Tahun Melawat Malaysia 2014
sasar kedatangan
28 juta pelancong



Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

► Sepang

Kemeriahan Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014 begitu cepat dirasai sebaik saja melangkah ke tahun baru, dengan pelbagai sambutan diadakan di seluruh negara untuk meraikannya.

Pelancong luar yang tiba bermula 1 Januari lalu sama ada melalui darat, udara dan air di seluruh negara bukan saja begitu teruja dengan suasana sambutan yang diadakan di 37 pintu masuk ke Malaysia, malah mereka tidak sabar untuk merasai sendiri keunikan negara ini yang kaya dengan kepelbagaian budaya.

Sambutan khas yang dianjurkan Tourism Malaysia dengan kerjasama kerajaan negeri itu ternyata membangkitkan perasaan teruja daripada awal lagi untuk menerokai Malaysia, dengan menyajikan pelbagai elemen menarik melalui persembahan kebu-



Hong Peng dan Ketua Pengarah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Datuk Mirza Mohammad Taiyab (gambar kanan) menyambut kumpulan pelancong pertama yang tiba dari Beijing, China sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 di KLIA, semalam.

dayaan yang ditampilkan.

Antaranya termasuk tarian tradisional pelbagai kaum di Malaysia dan permainan muzik tradisional seperti gamelan, cempuling dan kompang, malah di pintu masuk udara seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Rendah (LCCT), pelancong turut dijamu dengan minuman popular di negara ini iaitu teh tarik serta dimeriahkan dengan kehadiran maskot TMM 2014, monkey belanda (proboscis monkey).

Sambutan khas
Ketua Setiausaha Kementerian

Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Dr Ong Hong Peng, berkata sambutan khas selama tiga hari yang berakhir hari ini bertujuan mengalu-alukan kedatangan pelancong asing pada hari pertama 2014, sekali gus memastikan mereka merasai sendiri sambutan TMM 2014.

Beliau berkata, dengan tema 'Celebrating 1Malaysia Truly Asia', pihaknya diterajui Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, komited untuk mencapai sasaran 28 juta ketibaan pelancong dengan anggaran pendapatan pelancongan sebanyak RM76 bilion sepanjang kempen TMM



2014 berlangsung.

"Celebrating 1Malaysia Truly Asia" menjadi pemangkin kepada aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam usaha memupuk rakyat Malaysia dengan semangat 1Malaysia.

"TMM 2014 kali ini bakal menyaksikan pesta besar-besaran yang penuh gemilang sempena meraikan festival pelancongan negara, antaranya termasuk acara perarakan, pertunjukan kebu-



• Monkey hidung panjang yang dikenali proboscis monkey menjadi maskot TMM 2014.
• Statistik pelancongan 2012: 25 juta pelancong asing menjana pendapatan RM60.5 bilion.
• 141 juta pelancong domestik yang menjana pendapatan RM72.5 bilion.
• Sasar 28 juta pelancong dengan pendapatan RM76 bilion pada 2014.

dayaan yang penuh warna-warni, hidangan aneka makanan lazat, aktiviti sukan mencabar, alunan muzik mempesonakan dan keindahan alam semula jadi," katanya pada majlis sambutan khas kepada pelancong luar di KLIA di sini, baru-baru ini.

Pelancaran TMM 2014

Sambutan besar-besaran Tahun Melawat Malaysia 2014 akan dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Dataran Merdeka pada malam esok.

Program yang berlangsung dari 5 petang hingga 11.30 malam itu dijangka menarik 100,000 pengunjung. Antara artis tempatan yang memeriahkan acara adalah Datuk Siti Nurhaliza, Datuk Khadijah Ibrahim, Datuk Jamal Abdillah, Amy Search, Nash, Hafiz, Azlan Typewriter, Najwa Latiff, Awie, Dr Joanne Yeoh (violinist), Mohadiman (flute) dan Kumarsan (sitar).



"Saya datang ke Malaysia bersama rakan sekerja untuk bercuti selepas mendengar mengenai negara ini yang kaya dengan budaya dan rakyat yang ramah serta mudah mesra"

Li Yi,
Pelancong China



"Ini kali pertama saya datang ke Malaysia dan ternyata ia sesuatu yang mengujakan melalui sambutan diberi. Malah, saya sangat sukakan rasa teh tarik yang dihidangkan"

Shawn Li,
Pelancong China



"Saya banyak mendengar mengenai pelancongan di Malaysia dan memutuskan untuk datang ke sini bersama rakan bagi menghabiskan percutian kami"

Sanjac Babaek,
Pelancong Uzbekistan

Pelancong teruja disambut meriah

Pelancong China, Li Yi, 36, berkata beliau tidak menyangka ketibaannya di Malaysia disambut dengan begitu meriah, sekaligus memberikan kenangan yang amat manis dalam hidupnya.

"Saya datang ke Malaysia bersama rakan sekerja untuk bercuti selepas mendengar mengenai negara ini yang kaya dengan budaya dan rakyat yang ramah serta mudah mesra.

"Saya tidak sabar untuk merasai pengalaman di Malaysia, termasuk mengunjungi tempat menarik seperti bangunan bersejarah dan kawasan yang kaya dengan alam semula jadi, selain membeli-belah," katanya ketika ditemui di KLIA.

Bagi pelancong China, Shawn

Li, 45, beliau akan memanfaatkan sepenuhnya percutian lima hari di Malaysia dengan melawat Pulau Langkawi dan Genting Highlands.

"Ini kali pertama saya datang ke Malaysia dan ternyata ia sesuatu yang mengujakan melalui sambutan diberi. Malah, saya sangat sukakan rasa teh tarik yang dihidangkan," katanya.

Sanjac Babaek, 34, dari Uzbekistan, berkata beliau dan empat rakaninya tidak sabar untuk melihat keunikan Malaysia dan membeli-belah di sini.

"Saya banyak mendengar mengenai pelancongan di Malaysia dan memutuskan untuk datang ke sini bersama rakan bagi menghabiskan percutian kami," katanya.